

SIARAN MEDIA

RM3.46 JUTA PERUNTUKAN DISALURKAN BAGI PROJEK MENAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM DI IPOH, PERAK

IPOH, 11 Jun 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM3.46 juta bagi menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur awam dalam lawatan kerja rasmi beliau ke Ipoh petang ini. Peruntukan sebanyak RM2.46 juta disalurkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), manakala RM1 juta lagi adalah peruntukan dari Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

YB KM telah mengadakan sesi lawatan ke rumah pangsa First Garden, Jalan Sungai Pari dan Lorong Isaac, Dataran Niaga Taman Cempaka dan Pasar Kampung Simee bagi meninjau kemudahan asas dan keperluan kemudahan awam serta infrastruktur berkaitan.

Jumlah peruntukan yang telah diumumkan ini meliputi projek menaik taraf dan penyelenggaraan seperti berikut;

1. Menaik Taraf Infrastruktur di Pasar Kg. Simee, Ipoh, MB Ipoh;
2. Menggantikan Gutter serta Kerja Berkaitan di Dataran Niaga Taman Cempaka;
3. Menaik Taraf Jalan Termasuk Kerja-Kerja Pelebaran di Persiaran Lapangan Siber 1, Bandar Seri Botani;
4. Menaik Taraf Jalan Termasuk Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan Sungai Pari, Buntong;
5. Menaik Taraf Jalan dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Kawasan Rumah Pangsa First Garden, Silibin; dan
6. Membina Longkang Baru dan Kerja Berkaitan di Lorong Isaac, Buntong.

Menurut YB KM, “Penyaluran peruntukan ini merupakan ‘sentuhan kasih sayang’ KPKT dalam meningkatkan kualiti fasiliti awam khususnya di sekitar Ipoh sebagai salah satu usaha mempergiat dan merancakkan ekonomi demi manfaat penduduk setempat.”

Tambah beliau, “Keseluruhan peruntukan naik taraf kemudahan awam dan infrastruktur ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Encik Howard Lee Chuan How, Ahli Parlimen Ipoh Timor; YB Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson, Ahli Parlimen Ipoh Barat; YB Jenny Choy Tsi Jen, ADUN Canning; YB Thulsi a/p Manogaran, ADUN Buntong; YB Cheah Pou Hian, ADUN Jelapang; Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan); Dato' Mohd Fadzli Bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; Dato' Rumaizi bin Baharin @ MD. Daud, Datuk Bandar Ipoh serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

